



SIARAN MEDIA

SESI LIBAT URUS BELANJAWAN 2027: KPKT TERJEMAH SUARA RAKYAT KEPADA HASIL NYATA

PUTRAJAYA, 24 Ogos 2026 – Sebagai Kerajaan yang berjiwa rakyat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) pada petang ini menghimpunkan **350 pemegang taruh** daripada pelbagai sektor bagi mendapatkan pandangan, cadangan dan input dalam merangka inisiatif Belanjawan 2027 yang lebih responsif terhadap keperluan rakyat.

Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Tuan Nga Kor Ming yang mempengerusikan **Sesi Libat Urus Belanjawan 2027 KPKT** berkata, sesi tahunan itu merupakan platform strategik untuk memastikan perancangan Belanjawan 2027 mengambil kira aspirasi serta keperluan sebenar rakyat dan pemegang taruh daripada pelbagai sektor.

Menurut beliau, antara cadangan yang dikemukakan pemegang taruh merangkumi penambahbaikan tadbir urus pengurusan bangunan berstrata, pelaksanaan semula Kempen Pemilikan Rumah (HOC) atau inisiatif Rent-to-Own, penyediaan infrastruktur pengecasan kenderaan elektrik (EV) dan Command Centre bagi menyokong agenda Bandar Pintar, selain insentif untuk meningkatkan kadar kitar semula serta mekanisme pembiayaan hijau bagi menggalakkan pelaburan dalam teknologi dan penyelesaian pengurusan sisa.

Cadangan turut meliputi peningkatan geran tahunan bagi Balai Bomba Sukarela (PBS), pembangunan KPKT Urban Resilient Program, penyediaan kemudahan kesihatan bagi menghadapi cabaran masyarakat menua serta penambahbaikan infrastruktur perbandaran bagi menyokong inisiatif Bandar Selamat.

“Semua cadangan yang dikemukakan amat penting dan akan diteliti oleh Kementerian dari aspek kebolehlaksanaan, keutamaan serta kemampuan kewangan semasa Kerajaan. Hal ini juga penting bagi memastikan setiap ringgit yang diperuntukkan bukan sahaja dibelanjakan dengan berhemah, tetapi diterjemahkan kepada hasil, impak dan manfaat yang nyata kepada rakyat,” katanya ketika

menyampaikan ucapan pada Sesi Libat Urus Belanjawan 2027 di KPKT.

Beliau berkata, KPKT turut akan mengadakan **sesi perbincangan bersama Kementerian Kewangan (MOF) pada 3 September 2026** bagi membincangkan cadangan inisiatif yang boleh diketengahkan untuk pertimbangan MOF.

Dalam merangka cadangan Inisiatif Belanjawan 2027, KPKT turut mengambil kira tiga **(3) tonggak Ekonomi MADANI**, iaitu **meningkatkan pertumbuhan ekonomi** melalui pelaburan strategik dalam sektor bernilai tinggi dan berteknologi; **meningkatkan kesejahteraan rakyat** melalui pendidikan, kesihatan dan perlindungan sosial; serta memperkukuh **tatakelola dan penyampaian perkhidmatan awam** yang cekap dan telus.

Sementara itu, dalam ucapannya, beliau turut berkongsi bahawa lima (5) daripada enam (6) inisiatif signifikan di bawah Inisiatif Belanjawan Tahun Ini telah melepasi sasaran ditetapkan, manakala satu lagi berada pada landasan untuk mencapai atau melepasi sasaran menjelang akhir tahun ini. Katanya, pencapaian tersebut mencerminkan komitmen KPKT dalam memastikan setiap peruntukan Kerajaan diterjemahkan kepada manfaat yang nyata, inklusif dan berimpak tinggi kepada rakyat.

“Prestasi ini juga memperlihatkan keupayaan KPKT untuk bergerak pantas dan responsif dalam melaksanakan agenda Kerajaan MADANI, khususnya dalam menyediakan kemudahan awam yang lebih baik, selesa dan inklusif untuk semua lapisan masyarakat,” katanya.

Enam (6) inisiatif signifikan KPKT yang mencatatkan prestasi cemerlang setakat 31 Julai 2026 adalah:

1. Penyelenggaraan Rumah Ibadat Bukan Islam (RIBI)

Sebanyak RM50 juta diperuntukkan bagi penyelenggaraan RIBI, dengan 304 projek berjaya dilaksanakan berbanding sasaran 200 projek, mencapai 152 peratus. Inisiatif ini memastikan rumah ibadat bukan Islam turut menerima perhatian sewajarnya melalui penyediaan kemudahan yang lebih selamat, selesa dan kondusif.

2. Pembinaan Gerai MADANI dan Naik Taraf Pasar Awam Uzur

Peruntukan sebanyak RM60 juta membolehkan 102 projek dilaksanakan berbanding sasaran 60 projek, mencapai 170 peratus. Inisiatif ini membantu memodenkan kemudahan perniagaan dan pasar awam serta menyokong kesejahteraan peniaga kecil dan ekonomi komuniti setempat.

3. Naik Taraf Sistem Perparitan dan Longkang

Sebanyak RM55 juta diperuntukkan bagi menaik taraf sistem perparitan dan longkang, dengan 154 projek dilaksanakan berbanding sasaran 150 projek, mencapai 102.67 peratus. Usaha ini bertujuan memperkukuh infrastruktur asas serta mengurangkan risiko gangguan dan banjir kilat di kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT).

4. Penyelenggaraan Tandas Awam di Kawasan PBT

Inisiatif ini menerima peruntukan sebanyak RM30 juta dan mencatat pencapaian tertinggi, iaitu 734 peratus, dengan 367 projek dilaksanakan berbanding sasaran 50 projek. Pencapaian ini menyokong usaha KPKT memastikan kemudahan awam yang lebih bersih, selesa dan selamat, termasuk melalui inisiatif BMW – Bersih, Menawan dan Wangi.

5. Pembaikan Kuarters dan Balai Bomba

Sebanyak RM10 juta diperuntukkan bagi kerja pembaikan kuarters dan balai bomba, dengan 113 projek berjaya disiapkan, mencapai 100 peratus daripada sasaran ditetapkan. Usaha ini membantu menyediakan kemudahan tempat bertugas dan penginapan yang lebih baik kepada warga bomba, sekali gus menyokong kesiapsiagaan dan kebajikan anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

6. Program Bomba Bersama Rakyat

Program ini menerima peruntukan sebanyak RM5 juta dengan sasaran 64 program. Sehingga 31 Julai 2026, sebanyak 57 program telah dilaksanakan, mencapai 89 peratus.

“KPKT komited untuk memastikan baki program dilaksanakan sepenuhnya bagi mencapai atau melepasi sasaran 100 peratus menjelang akhir tahun ini, selaras dengan usaha memperkukuh hubungan antara JBPM dan masyarakat serta meningkatkan kesedaran awam mengenai keselamatan dan pencegahan kebakaran,” katanya.

Sesi libat urus tersebut melibatkan pemegang taruh daripada pelbagai sektor termasuk agensi kerajaan, badan profesional, institusi kewangan, pemaju perumahan, sektor swasta, badan bukan kerajaan (NGO), persatuan komuniti dan institusi pengajian tinggi.

Turut hadir ialah Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, YB Datuk Hajah Aiman Athirah Binti Sabu; Ketua Setiausaha KPKT, YBhg. Datuk Wira Dr. M. Noor Azman bin Taib selaku moderator; serta barisan Pengurusan Tertinggi dan Ketua-Ketua Jabatan dan Agensi di bawah KPKT.

#MalaysiaMADANI

#Kesejahteraan

#StrongerTogether

#DemiPertivi

#UnityInDiversity

#RancarkanMADANI

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) terdiri daripada lapan (8) Jabatan/agensi kerajaan iaitu 1. Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia, 2. Jabatan Perumahan Negara, 3. Jabatan Kerajaan Tempatan, 4. Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, 5. PLAN Malaysia, 6. Jabatan Landskap Negara, 7. Tribunal Perumahan dan Pengurusan Strata dan 8. Institut Latihan Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Agensi lain di bawah KPKT ialah Solid Waste Corporation Malaysia (SWCorp), Urbanice Malaysia, Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dan Perbadanan PR1MA Malaysia (PR1MA).

Dikeluarkan Oleh :

Unit Komunikasi Korporat

b.p. Ketua Setiausaha

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan

Telefon : 03-8891 5555 | Faks : 03-8891 5557 | E-mel media.ukk@kpkt.gov.my

